



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMERIKSA TERNAKAN (D.1-2 EB.3-4)  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMERIKSA TERNAKAN  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
D.1-2 EB.3-4 (\$530 - \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit Mata Pelajaran Sijil Am Pembelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berpengalaman dan berkemahiran dalam pengurusan serta pemeliharaan ternakan adalah kelebihan.

3. Berkebolehan dalam bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**UNIT REGULATORI DAN PENGUATKUASAAN VETERINAR:**

1. Membuat pemeriksaan, pemantauan pematuhan dan pengawal selia terhadap premis-premis pusat veterinar dan ladang-ladang ternakan bagi memastikan mengikut peraturan yang ditetapkan;
2. Membantu menyediakan garis pandu, *standard operating procedure (SOP)* dan *code of practice* bagi tugas serta aktiviti yang berhubung kait dengan akta yang berkaitan dengan *veterinar*;



3. Menjalankan pengambilan sampel melalui program surveyan kesihatan haiwan;
4. Membuat kerja-kerja rawatan penyakit haiwan;
5. Membuat pemantauan kesihatan ternakan; dan
6. Melaksanakan tugas-tugas tambahan yang diberikan dari semasa ke semasa oleh pegawai atasan.

**UNIT KESIHATAN HAIWAN DAN KAWALAN PENYAKIT:**

1. Mengendalikan kerja-kerja pemeriksaan ke atas jenis ternakan serta meneliti rekod-rekod atau dokumen di ladang ternakan yang berkaitan;
2. Mengadakan pemeriksaan haiwan serta ladang bagi memastikan amalan pemeliharaan ternakan yang baik serta penggunaan ubat-ubatan veterinar secara berhemah di ladang ternakan;
3. Membantu menjalankan program pemantauan penyakit haiwan dengan mengambil sampel-sampel haiwan dan ladang bagi penganalisaan makmal, membantu doktor haiwan dalam pengendalian perkhidmatan veterinar, membantu membuat *post-mortem* pada haiwan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diperlukan;
4. Membuat kerja-kerja rawatan penyakit ternakan dan haiwan;
5. Membuat laporan lawatan ladang serta mengemaskini data bagi hasil keputusan ujian makmal bagi sampel-sampel haiwan yang diambil di ladang secara maya (*online*) bagi tujuan pemantauan kesihatan dan penyakit ternakan; dan
6. Bersedia menerima arahan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh ketua pada bila-bila masa diperlukan.